



Rujukan Kami : UPM.BEN.100-1/6/3/(17)

Tarikh : 22 November 2023

PEKELILING BURSAR BIL. 4 TAHUN 2023

PENYEDIAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN (PPT) TAHUN 2024 BELANJA MENGURUS, BELANJA PEMBANGUNAN ATAU SUMBER PERUNTUKAN LAIN

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeliling ini bertujuan memohon semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Serdang dan Bintulu untuk menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) Tahun 2024 yang menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah **Belanja Mengurus, Belanja Pembangunan atau sumber peruntukan lain (iaitu dari Akaun Amanah yang pembiaya daripada Kerajaan Persekutuan)** untuk semua kaedah perolehan.

2.0 LATAR BELAKANG

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia iaitu PK 2.1 - Perihal Umum – Agensi adalah bertanggungjawab untuk menyediakan PPT selaras dengan prinsip amalan tadbir urus yang baik dan dapat membantu Agensi melaksanakan perolehan dengan terancang dan teratur.

3.0 OBJEKTIF PENYEDIAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN (PPT)

Objektif penyediaan PPT adalah untuk:

3.1 Meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan;

- 3.2 Memastikan perolehan Kerajaan dirancang dengan teliti dan sistematik;
- 3.3 Mekanisme untuk memantau perolehan yang dilaksanakan bagi mengelakkan kelewatan, penyelewengan, salah guna kuasa dan perolehan di luar aturan;
- 3.4 Memastikan perolehan adalah mengikut perancangan dan teratur selaras dengan prinsip-prinsip perolehan Kerajaan;
- 3.5 Memastikan perbelanjaan berhemah dapat dicapai dan mengelakkan amalan berbelanja pada saat-saat akhir;
- 3.6 Mengoptimumkan prestasi perbelanjaan tahunan UPM;
- 3.7 Makluman awal mengenai perolehan yang akan dipelawa supaya pembekal dan kontraktor bersedia untuk menyertainya.

4.0 PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN UNIVERSITI

- 4.1 Semua PTJ dimohon merancang perolehan tahunan bagi perolehan yang akan dilaksanakan pada tahun berikutnya. PPT yang disediakan adalah untuk membantu UPM melaksanakan perolehan dengan lebih terancang dan teratur serta mengelakkan amalan berbelanja di penghujung tahun serta mengelakkan perbelanjaan melebihi peruntukan. Ketua PTJ hendaklah memastikan semua aktiviti perolehan yang dirancang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
- 4.2 PPT diinput dalam **sistem e-Tender** yang boleh dilayari di laman web Pejabat Bursar (www.etender.upm.edu.my) dan pihak PTJ perlu menginput PPT tersebut ke dalam sistem ini selewat-lewatnya pada **29 Disember 2023**. Pejabat Bursar perlu mengemukakan PPT kepada Kementerian Kewangan Malaysia sebelum atau pada **15 Januari 2024**.

5.0 PENUTUP

- 5.1 Ketua PTJ adalah bertanggungjawab untuk menyediakan PPT bagi peruntukan yang dinyatakan seperti di para **1.0** iaitu bagi peruntukan **Belanja Mengurus, Belanja Pembangunan atau sumber**

peruntukan lain (iaitu dari Akaun Amanah yang pembiaya daripada Kerajaan Persekutuan) bagi PTJ masing-masing untuk tahun 2024 selaras dengan amalan prinsip tadbir urus yang baik.

5.2 PPT ini juga perlu dilampirkan oleh semua PTJ semasa menghantar permohonan pendaftaran sebut harga atau tender bagi memastikan semua perolehan dibuat berdasarkan perancangan yang telah dikemukakan.

5.3 Sila hubungi Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan (BKPP), Pejabat Bursar di talian 03-97696230 atau 6239 jika terdapat sebarang pertanyaan atau penjelasan. Sebarang pindaan PPT **selepas 29 Disember 2023** perlu dikemukakan **secara bertulis sahaja** kepada Bahagian Kewangan Pengurusan Perolehan (BKPP) bagi tujuan pelarasan sebelum dimajukan kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



IZARIAHWATI BINTI MOHD ISA
Bursar
Universiti Putra Malaysia

Edaran:

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab
Universiti Putra Malaysia
SERDANG/BINTULU/PORT DICKSON

